



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	20/8/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPNK			

Tiada aktiviti pembalakan di Gunung Jerai – MB

Kosmo
20
Ogos
2021.1
2

YAN – Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md. Nor menegaskan, banjir yang berlaku di beberapa kawasan berdekatan Gunung Jerai di sini bukan berpunca daripada aktiviti pembalakan.

Ini kerana katanya, Hutan Simpan Gunung Jerai telah diwartakan sebagai hutan perlindungan.

"Sebaliknya kejadian itu berlaku akibat fenomena kepala air yang turut membawa kayu-kayu balak berikutan arus terlalu deras," katanya di sini kelmarin.

Dalam pada itu, Muhammad Sanusi berkata, daerah Yan dan Kuala Muda diisytiharkan sebagai kawasan bencana, tahap satu berdasarkan arahan tetap Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20.

Sementara itu, di **Putrajaya** Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Datuk Seri Zaini Ujang mengesahkan berlaku taburan hujan lebat luar biasa dalam tempoh singkat bermula pukul 2.30 petang di sekitar kawasan puncak Gunung Jerai, Yan, kelmarin.

Menurutnya, kejadian hujan ekstrem itu telah menyebabkan fenomena kepala air di kawasan Gunung Jerai dan banjir lumpur sehingga kedalaman 0.1 hingga 0.3 meter di daerah Kuala Muda dan 0.2 hingga 1.5 meter di daerah Yan.

"Hujan lebat di hulu iaitu kawasan bukit menyebabkan berlaku limpahan air sungai serta terdapat halangan sampah sarap, kayu dan reba pokok yang tersangkut pada lintasan.

"Berdasarkan maklumat Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Stesen Hujan Gunung Jerai merekodkan bacaan kumulatif 281 milimeter (mm) dan Stesen Hujan Kampung Singkir Genting merekodkan bacaan kumulatif 172 mm.

"Dalam tempoh satu jam, jumlah kumulatif tertinggi hujan direkodkan adalah 91 mm," katanya menerusi kenyataan akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Zaini berkata, berdasarkan rekod, pada pukul 6 petang kelmarin, hujan yang turun telah melebihi 50 tahun Average Recurrence Interval (ARI).